# Makfor® Q

RACUN SERANGGA GEL

**UNTUK KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) SAHAJA**
**UNTUK KEGUNAAN KESIHATAN AWAM SAHAJA**

**Perawis Aktif: imidacloprid.....0.03% w/w**
**Perawis Lengai:......................99.97% w/w**

**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH OPERATOR KAWALAN MAKHLUK PEROSAK *(PCO)* BERLESEN SAHAJA**
**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA.**

**No. Pendaftaran: LRMP. R2/8548**

Kandungan Bersih: 2.4 kg (30 g x 20 tiub x 4 kotak)

Batch No.:

Tarikh Mengilang:

Tarikh Luput: -----------------



SEMUT


Didaftarkan oleh:
**Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd (7563 M)**
B-19-1 & B-19-2, The Ascent Paradigm,
No. 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel.: 03-7801 3088


Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi **TALIAN KECEMASAN:** 999

**BACA LABEL SEBELUM GUNA**

MY80980299D

**KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN**

**KELAS IV**

**JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK**

**Makfor® Q** ialah rumusan gel yang sedia digunakan untuk mengawal semut di kawasan komersial dan industri. Guna gel di kawasan semut di tempat yang ditentukan samada untuk kegunaan dalaman ataupun kegunaan luaran.

**ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.**

| | |
|---|---|
| **TEMPAT** | Tempat kediaman (termasuk dapur), hotel, restoran, tempat penyimpan makanan, tempat sembelih, hospital, tandas awam, dewan serbaguna, gereja, panggung wayang. |
| **SERANGGA PEROSAK** | Semut Firaun (*Monomorium pharaonis*), Semut Mayat (*Tapinoma melanocephalum*), Semut Argentina (*Linepithema humile*), Semut Hitam (*Lasius niger*) |
| **CATATAN** | Kegunaan Dalaman: 1 titik 200 mg setiap m² rawatan untuk semut firaun dan semut mayat. 1 titik 200 mg produk setiap linear meter jalanan semut hitam. Kegunaan Luaran: *Lasius niger* dan species lain: Untuk rawatan koloni, suntik terus 2 g produk ke jalan masuk koloni semut. Untuk rawatan jalanan semut, guna 1 titik 200 mg setiap liner meter sehingga maksima 2 g per koloni. |

Adalah disyorkan pemantauan pada hari ke-3, 7, 14 dan 28 selepas rawatan. Ulangi rawatan apabila infestasi adalah tinggi.

**Makfor® Q** dibekalkan dalam bentuk tiub 30 g. Sekiranya kandungan tiub tidak dihabiskan, tutup hujung tiub dengan alat penutup yang disertakan dan simpan seperti yang disarankan.

**Panduan Menyuntik: Penggunaan di dalam bangunan:** Gunakan **Makfor® Q** terus sebagai titik ('spot') di kawasan yang dikenalpasti. Pastikan kawasan yang dirawati tidak dibasahi. Sekiranya **Makfor® Q** dibekalkan di dalam bentuk 'bait station', letakkan 'bait station' di tempat semut mencari makanan. Letakkan satu (1) 'bait station' pada jalanan semut di bawah pintu, tingkap atau rekahan.

**Penggunaan di luar bangunan: Makfor® Q** boleh diletakkan pada rekahan dan retakan (pada dinding batu, di antara 2 kepingan simen) di mana jalanan semut adalah nyata. Titik (spot) **Makfor® Q** haruslah diletakkan di tempat terlindung daripada hujan. Sekiranya **Makfor® Q** dibekalkan di dalam bentuk 'bait station', letakkan 'bait station' di tempat semut mencari makanan.

Letakkan satu (1) 'bait station' pada jalanan semut yang nyata dan jauhkan daripada cahaya matahari dan hujan.

Gunakan span yang basah untuk membersihkan titik ('spot') yang berlebihan di kawasan yang dirawati.

Untuk kawasan penyediaan makanan, sila pastikan semua bahan makanan dan peralatan memasak perlu disimpan ditempat tertutup dan jauh dari kawasan rawatan. Elakkan tersentuh dengan makanan, perkakas makanan atau permukaan yang mana makanan disediakan atau disimpan. Jangan guna pada tempat penyediaan makanan atau permukaan di mana makanan dihidangkan.

**AWAS:** a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu gel. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat tiub sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.
Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).
b) Bahaya Pada Alam Sekitar: Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

**TANDA KERACUNAN:**
**Tanda Awal:** Mual, muntah, cirit-birit, sakit perut, sakit kepala, kerengsaan (kemerahan, gatal), tremor (anggota badan bergetar), mengantuk, otot lemah, air liur berlebihan, anak mata mengecil, peluh berlebihan.
**Tanda Tertangguh:** Kerengsaan kulit (kemerahan, gatal), sawan, koma.

**RAWATAN KECEMASAN:** Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhidu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

Bayer

**勿貯藏在靠近食品或兒童所接觸的地方**

**உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு அருகில் வைக்காதீர்**

Restricted to COMPESTI SDN BHD customers only